

Rasuah bukan budaya parti, kata PM

MELAKA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua ahli Umno supaya **menghindarkan** diri daripada rasuah dalam pemilihan **parti** yang sedang diadakan.

Perdana Menteri menegaskan, rasuah dalam apa bentuk sekalipun bukan budaya Umno.

"Ahli Umno mesti **menolak** sama sekali rasuah kerana **parti** ini adalah bersih daripada **segala** bentuk rasuah," katanya ketika berucap merasmikan **persidangan** perwakilan Umno **bahagian** Kota Melaka di **sini**.

Menurutnya, jika ahli Umno sudah sanggup menerima rasuah, mereka **juga** tentu sanggup **melakukan** kerja yang boleh merosakkan dan merugikan **parti** dan negara.

Beliau berkata, ahli Umno **patut** belajar daripada sejarah **Kesultanan** Melaka mengenai dua pengkhianat **bangsa**, Si Kitol dan Raja Mandeliar yang sanggup menggadai **bangsa** dan negara kerana menerima rasuah.

"Dalam pemilihan **parti**, ahli jangan serah diri kepada hawa nafsu tetapi buatlah pemilihan **secara** ikhlas setelah berfikir **secara** mendalam," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir **vand**

19 AUG 1989
juga Presiden Umno turut mengingatkan ahli mengenai **bahaya** menerima wang daripada seseorang, tetapi tidak pula mengundinya.

Menurutnya, **cara** begitu **juga** tidak baik dan boleh menjejaskan kepercayaan orang lain terhadap seseorang.

Beliau **juga** menjelaskan, jika pemimpin dan ahli Umno di **peringkat** cawangan sudah sanggup menerima rasuah, kemungkinan mereka **juga** akan menerima **rasuah** apabila menjadi pemimpin tertinggi **parti** dan negara.

Katanya, jika perbuatan **menerima** rasuah sudah menjadi **amalan** dan budaya **parti**, **ia** pasti akan membawa keburukan dan kerosakan kepada Umno dan **negara**.

Datuk Seri Dr Mahathir **juga** berkata, kekuatan dan keteguhan Umno penting kerana **ia** menjadi tulang belakang Barisan Nasional (BN) dan kerajaan untuk **meneruskan** perjuangan membela **nasib** rakyat dan membangunkan negara.

Katanya, Umno yang **dianggotai** oleh orang Melayu yang **bersikap** sederhana dan tidak tamak kuasa **perlu** dipertahankan **bagi** menjamin **masa** depan rakyat **terutama** orang Melayu